



sempena BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2014

& PELANCARAN SAHABAT PEPPUS

DIAHAKA

## PPANS AKTIF MENGGALAKKAN BUDAYA MEMBACA

Khemah Membaca 1 Malaysia (KM1M). Ia bertujuan untuk menggalakkan pembacaan dan mengekalkan budaya membaca yang telah disemai sekian lama.

Sehubungan itu, kesinambungannya di Negeri Sembilan, pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sembilan telah bersepakat dan bersetuju untuk bekerjasama dalam setiap program Khemah Membaca 1 Malaysia yang diadakan.

Melalui Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan akan memberi kerjasama dari segi perkhidmatan Khidmat Nasihat, Fasilitator bagi program dan aktiviti yang dilaksanakan dan sumbangan bahan bacaan kepada pelajar-pelajar yang terlibat.

Pada tahun 2014, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah memberi kerjasama dalam program NILAM Peringkat Kebangsaan, Bengkel Literasi Maklumat, Program Nilam Peringkat Negeri Sembilan dan Khemah Membaca 1 Malaysia Peringkat Negeri Sembilan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan akan terus berusaha lebih aktif mengadakan program dan aktiviti menggalakkan budaya membaca dan merakyatkan maklumat. Mari membaca di perpustakaan!

**YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
Merangkap Pengurus  
Perbadanan Perpustakaan Awam  
Negeri Sembilan Darul Khusus**

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI



TEMUI KAMI DI :




Find us on  
Facebook

Perbadanan Perpustakaan  
Awam Negeri Sembilan



"BANGSA MEMBACA  
1 MALAYSIA BERJAYA"

# BUKU TERKINI DI PPANS



Judul : Allah Is Calling  
 Pengarang : Zainudin Hashim  
 No. Panggilan: 297.574 ZAI  
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)  
 Harga : 18.00  
 Penerbit : Kemilau Publik Sdn Bhd  
 M/S : 239ms



Judul : Mengenali Sistem Reprokratif Wanita  
 Pengarang : Siti Nadia Ahmad  
 No. Panggilan: 372.372 MEN  
 Bahagian : Pinjaman(Dewasa)  
 Penerbit : Content Plus  
 Harga : 22.38  
 M/S : 40ms



Judul : Mengenali Sistem Reprokratif Lelaki  
 Pengarang : Siti Nadia Ahmad  
 No. Panggilan: 372.372 MEN  
 Bahagian : Pinjaman(Dewasa)  
 Harga : 22.38  
 Penerbit : Content Plus  
 M/S : 40ms.



Judul : Anak-anak, mari menghafal Hadis 40 Imam Nawawi  
 Pengarang : Abu Ahmad Abdul Fatah  
 No. Panggilan: J 297.125 ABU  
 Bahagian : Pinjaman(Kanak-kanak)  
 Penerbit : Kemilau Publik Sdn.Bhd  
 Harga : 18.00  
 M/S : 188ms



Judul : Etnik Sabah dan Sarawak  
 Pengarang : Zuraini Mohd Isa  
 No. Panggilan: 305.8009595 ZUR  
 Bahagian : Pinjaman (Dewasa)  
 Harga : 26.00  
 Penerbit : Edumark Distributors  
 M/S : 36ms



**USTAZ, BERAPAKAH UMUR AHLI SYURGA?**

MUHAMAD ABDUL KADIR SAMAK

## SIDANG PENGARANG BULETIN

### PENAUNG

V.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan  
 Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
 Merangkap Pengurus  
 Perbadanan Perpustakaan Awam  
 Negeri Sembilan Darul Khusus

### PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis  
 Pengarah  
 Perbadanan Perpustakaan Awam  
 Negeri Sembilan Darul Khusus

### KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof  
 Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

### SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail  
 Siti Juhaida binti Husin  
 Amer Affizi bin Aziz  
 Ketua-Ketua Bahagian  
 Ketua-Ketua Unit  
 Ketua-Ketua Zon

### PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh  
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

### REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

### JURUFOTO

Unit Media PPANS

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam  
 Perbadanan Perpustakaan Awam  
 Negeri Sembilan Darul Khusus  
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308  
 Faks : 06-763 5944

E-Mel : proppans2014@gmail.com  
 Laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

\*\*\*\*\*  
 Sidang Pengarang Buletin PPANS amat mengalu-alukan pandangan, cadangan dan komentar terhadap buletin ini.  
 Pandangan dan cadangan dalam menambah baik buletin amat dihargai.

## ULASAN BUKU

Tajuk : Ustaz, Berapakah Umur Ahli Syurga

Penerbit : PTS Millennia Sdn Bhd

ISBN : 978-967-411-251-6

Harga : RM 20.00

### Sinopsis:

Buku ini adalah himpunan jawapan penulis kepada soalan-soalan yang diajukan menerusi laman sesawang Jabatan Mufti Perlis, talian hukum Jabatan Mufti Perlis, email peribadi, dan Facebook. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa buku ini memuatkan himpunan soal jawab bersifat semasa dan yang sering menjadi kekeliruan dalam masyarakat. Dalam usaha memberi jawapan dan penjelasan itu pula, penulis sentiasa berusaha menjawab setiap soalan yang dilontarkan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah yang shahih. Juga dengan panduan daripada hasil-hasil penulisan para ulama Ahlu As-Sunnah wa Al-Jamaah. Jikalau diperhatikan, kaedah bertanya dan menjawab soalan memiliki kesan yang begitu besar dalam menuntut ilmu. Ilmu itu seperti sebuah menara tinggi yang terserlah, dan ada waktunya kegelapan malam datang melitupi menara itu. Justeru, berosal jawab itu mengambil peranan lampu yang menyuluhan, menerangi menara ilmu yang tinggi, dan menyingkap kesamaran disebabkan sifat tidak tahu. Kerana itu kaedah berosal jawab ini digunakan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Semoga buku ini memberi banyak manfaat kepada umat Islam dalam usaha memahami persoalan-persoalan agama. Dapatkan buku ini di Perbadanan Perpustakaan Awam (PPANS) Bahagian Pinjaman Dewasa.

## GLOSARI ADAT

### ADAT DATAR PUSAKA SATU

Sesuatu kesalahan itu, walau di mana kesalahan berlaku tanpa mengira siapa melaku-kannya, hukumannya sama sahaja.

### ADAT RESAM

Amalan yang ghalib atau lazim, yang biasa diamalkan oleh sesuatu kelompok masyarakat dalam mengatur cara hidupnya sehari-hari.

### BERJUANSA

Gelaran adat yang membawa panggilan Tuk. Buapak suku Mungkal II perut Chepun, luak Jelebu.

### GILA NANA

Seorang orang semenda yang tidak patuh lagi kepada keputusan yang telah diputuskan dalam satu istiadat berkampung tempat semenda. Jika ini berlaku terpaksa tempat semen-danya memulangkan perkara itu kepada sukunya pula seperti yang telah diaturkan oleh adat:

Tumbuh gila nana,  
 Berkampung antara kedua pihak.

# BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



## Grup Sayangi Perpustakaan



Assalamualaikum,  
Adik-adik tentu berasa lega sekarang kerana peperiksaan telah selesai. Teruskan datang ke sekolah setiap hari kerana pembelajaran masih diteruskan.

Kali ini, Pengurusan Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Seremban 2B telah menjemput Grup Sayangi Perpustakaan datang ke sekolah untuk sesi Bengkel Bercerita 'Sang Kancil' khusus untuk pelajar Tahun 3 seramai 130 orang.

Selain itu, Grup Sayangi Perpustakaan juga telah dijemput ke Sekolah Kebangsaan Semerbok, Kota Rembau dalam pengisian Slot Khemah Membaca 1 Malaysia Peringkat Negeri Sembilan yang telah diadakan pada 4-6 November 2014.



## Piramida Mesir

Piramida Mesir adalah sebutan untuk piramida yang terletak di Mesir yang dikenal sebagai "negeri piramida" sekalipun ditemukan situs piramida dalam jumlah besar di Semenanjung Yucatan yang merupakan pusat peradaban Maya.


Di Mesir umumnya piramida digunakan sebagai makam raja-raja Mesir Kuno yang dikenal dengan nama firaun. Namun, berabad abad lalu piramida sering digunakan sebagai sasaran penjarahan dan perampok makam karena para raja-raja membawa harta kekayaannya dan segala macam artefak guna di alam baka, sekalipun diberi perlindungan dengan semacam kutukan-kutukan untuk mencegahnya. Sehingga pada masa raja-raja mesir kuno berikutnya, makam raja-raja dan para bangsawan ditempatkan pada lembah yang tersembunyi seperti halnya makam Raja Tutankhamun yang ditemukan secara utuh dan lengkap.

## INFO TAHUKAH ANDA?

Piramida pun tidak dibuat sembarangan. Para insinyur Mesir kuno menghitung dulu jarak piramida dengan matahari, karena matahari adalah salah satu hal terpenting dalam kehidupan masyarakat Mesir kuno. Ilmuwan masa kini pun mengakui kehebatan mereka dalam membangun piramida yang termasuk tujuh keajaiban dunia ini. Waktu, harta, dan tenaga yang dikeluarkan demi pembangunan piramida pun luar biasa banyaknya. Pembangunan piramida membutuhkan waktu sekitar dua puluh tahun dan mempekerjakan lebih dari sepuluh ribu budak, dan banyak yang nyawanya melayang. Piramida terbesar berada di Giza.



## BENGKEL BERBERITA 'SANG KANCIL' DI SEKOLAH KEBANGSAAN SEREMBAN 2B



SEREMBAN - Pihak sekolah Kebangsaan Seremban 2B telah menjemput Grup Sayangi Perpustakaan menyampaikan perkongsian kepada 120 orang pelajar Tahun 1, mengenai Bengkel 'Sang Kancil' pada 6 November 2014.



Bengkel Berberita adalah untuk memberi penerangan mengenai beberapa teknik berberita yang perlu diberi perhatian. Pelajar-pelajar telah memberi kerjasama yang sangat baik dan mereka sangat teruja untuk turut serta.

## GSP BERSAMA GABUNGAN 41 BUAH SEKOLAH DAERAH REMBAU

REMBAU - 41 buah sekolah rendah dan menengah daerah Rembau yang terdiri daripada 160 orang pelajar telah bersama-sama dalam program Sayangi Perpustakaan di Sekolah Kebangsaan Semerbok, Kota sempena Khemah membaca 1 Malaysia pada 4 November 2014.

Program dimulakan dengan taklimat mengenai perkhidmatan perpustakaan, pembahagian kumpulan, bina perkataan, kuiz bijak minda dan persembahan boneka khas daripada Grup Sayangi Perpustakaan.



## KREATIVITI PPANS MENARIK KEAHLIAN



SEREMBAN - Kerajaan sangat menggalakkan inovatif dan kreatif kakitangan awam dalam melaksanakan tugas kepada masyarakat. Semua ini adalah untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan orang ramai yang berurusan dengan penjawat awam.

Sehubungan itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan tidak ketinggalan dalam menubuhkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif jabatan. Kali ini kumpulan Xtra Ordinary dan mewakili Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan di Konvensyen KIK di Pulau Pinang pada 24-26 November 2014. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan akan memperkenalkan e-kiosk yang memudahkan pengguna untuk mendaftar keahlian dimana-mana sahaja.

## LAWATAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN WARISAN PUTERI KE PPANS SUNTIK SEMANGAT MEMBACA

SEREMBAN - Seramai 40 orang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Warisan Puteri telah membuat lawatan ke Perpustakaan Negeri, Seremban pada 6 November 2014. Semasa lawatan, mereka telah diberi taklimat mengenai perkhidmatan perpustakaan dan lawatan sekitar perpustakaan. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Book Explorace.



## PERHIMPUNAN WARGA PPANS DAN PNM ERAT PERPADUAN

SEREMBAN - Warga PPANS dan PNM seluruh Negeri Sembilan telah berhimpun pada 10 November 2014 dalam Perhimpunan Warga PPANS Bil.3/2014. Majlis telah disempurnakan oleh Puan Jamilah Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Pengisian sepanjang perhimpunan ialah Ucapan Pengarah PPANS, Taklimat daripada Bank Islam, Ceramah Pertolongan Cemas dan Ceramah Seronoknya Bekerja. Penceramah-penceramah yang dijemput sangat berpengalaman dan banyak perkongsian ilmu disampaikan.

Di samping itu, majlis diserikan lagi dengan Sambutan Hari Lahir dan penyampaian sumbangan kepada warga PPANS dan PNM.

## PPANS TERUS AKTIF BERSUKAN

SEREMBAN - Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah menghantar pasukan bowling yang terdiri daripada Encik Hamdan Nordin, Encik Azwi, Encik Rosdi, Puan Rohainiza, Puan Siti Aishah dan Puan Norshamsinar dalam Pertandingan Bowling Piala Dato' SUKNS. Pertandingan ini adalah anjuran MAKSAK Negeri Sembilan yang diadakan di Seremban Prima pada 29 Oktober 2014.

Syabas kepada pasukan bowling Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan kerana mempunyai semangat yang begitu gitu sepanjang pertandingan. Tahniah!



## KHEMAH MEMBACA 1 MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SEMBILAN



REMBAU - Majlis Pelancaran Khemah Membaca 1 Malaysia Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 4 November 2014 di Sekolah Kebangsaan Semerbok, Kota Rembau. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Haji Awaludin bin Haji Said, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, merangkap ADUN Kota. Turut hadir bersama-sama ialah YB Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, Pengurus Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan, Y.Bhg. Dato' Hajah Kalsom binti Khalid, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Encik Abdullah bin Yusuf, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Sembilan dan Puan Jamilah Haji Katis, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Khemah Membaca 1 Malaysia Peringkat Negeri Sembilan diadakan selama 3 hari iaitu bermula 4 hingga 6 November 2014. PPANS telah mengambil bahagian pada 4 November 2014, Program Sayangi Perpustakaan bersama-sama 160 orang pelajar seluruh daerah Rembau.

## KEMPEN MERAKYATKAN BUDAYA MEMBACA DAERAH JEMPOL MERIAH

JEMPOL - Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan meneruskan usaha merakyatkan maklumat dan mengajak masyarakat untuk memakmurkan perpustakaan. Segala kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan adalah untuk kesenangan orang ramai.

Kempen Merakyatkan Budaya Membaca Daerah Jempol telah disempurnakan oleh YB Tuan Manickam A/L Letchuman, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Jeram Padang. Turut hadir ialah Puan Jamilah Haji Katis, Pengarah PPANS dan Timbalan Tadbir Tanah Daerah, Encik Adnan bin Ahmad. Antara pengisian yang dilaksanakan untuk pengunjung ialah Pertandingan Mewarna Logo 1 Malaysia, Pameran Buku, Pameran Lukisan Pelukis Negeri Sembilan, Pertandingan jejak maklumat, Pertandingan Bijak Matematik, Pertandingan Carian Bahasa Melayu, Anugerah Sahabat Perpustakaan dan Anugerah Pinjaman Buku Terbanyak.



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM EKSPLORASI BAHASA MERENTAS DESA DAN PELANCARAN SAHABAT PERPUSTAKAAN PERINGKAT DAERAH KUALA PILAH



KUALA PILAH - Pepatah lama "bulat air kerana pembentung, bulat kata kerana muafakat" memang sangat relevan dengan Program Eksplorasi Bahasa Merentas Desa yang telah diadakan pada 8 November 2014 di Perpustakaan Desa Kg. Kuala Serdang, Kuala Pilah. Gabungan kerjasama antara Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia, Universiti Teknologi Mara (UITM) dan JKKK Kg. Kuala Serdang telah menjadikan program ini sangat meriah dan berjalan lancar.

Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Norhayati binti Omar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan merangkap ADUN Pilah. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Program Kecergasan, Eksplorasi Bahasa, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Busana, Pertandingan Teka Silangkata dan pameran.

YB. Dato' Norhayati Omar juga turut melancarkan Program Sahabat Perpustakaan Peringkat Daerah Kuala Pilah turut hadir Tuan Zulkefli bin Baharan, Pegawai Daerah Kuala Pilah.